

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN DATUK SAHARI
KAWASAN : PUTATAN
TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN AWANG HUSAINI BIN DATUK SAHARI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status projek:

(a) cadangan menaik taraf Jalan Ramayah Ke Jalan Putatan termasuk "Flyover" di Putatan dan cadangan menaik taraf Jalan Kolam ke Sunny Garden ke Kampung Minintod termasuk pembinaan dua "Flyover"; dan

(b) Cadangan menaik taraf Jalan Ramayah menghubungkan Jalan Putatan dan Jalan Penampang "Bypass".

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian ini dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, jalan - jalan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, iatu Jalan Ramayah ke Putatan, Jalan Kolam ke Sunny Garden ke Kampung Minitod, dan Jalan Penampang Bypass adalah merupakan Jalan Negeri. Sehubungan dengan itu, jalan-jalan ini tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan oleh JKR Negeri Sabah di dalam permohonan projek baharu di bawah *Rolling Plan 4 (RP4 2020)*, RMKe-11 kerana jalan-jalan ini merupakan jalan-jalan Negeri di mana sebarang perancangan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengambil maklum berkenaan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada justeru itu mencadangkan kepada JKR Negeri Sabah untuk mengambil langkah segera dengan mengenalpasti dan melaksanakan tindakan rawatan setempat (*localized remedial measures*). Manakala bagi tindakan jangka panjang, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan untuk menaiktaraf infrastruktur jalan – jalan ini mengikut keperluan serta kemampuan Kerajaan Negeri memandangkan ianya di bawah bidang kuasa pihaknya.

Sekian, terima kasih.